



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**



KENYATAAN SEBUTHARGA

Kontraktor / Pembekal / Agen yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih dibenarkan pada masa ini untuk mengemukakan sebutbarga adalah dipelawa untuk menyertai sebutbarga yang disebutkan seperti berikut:-

No. Sebutbarga	Tajuk Sebutbarga	Taraf kelayakan Kontraktor/ Pembekal/Agen	Harga Dokumen Sebutbarga	Tempoh Jualan Dokumen Sebutbarga	Tarikh Tutup Sebutbarga	Tempat Peti Sebutbarga Diletakkan
SH/09/2009	Sebutbarga Bagi Perkhidmatan Penyenggaraan dan Pembaharuan Lesen Perisian Oracle di INSPEN	Pendaftaran KKM yang masih sah, dan sijil Pendaftaran Bumiputra di bawah kod bidang 210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106	RM10.00	3 Ogos 2009 hingga 10 Ogos 2009	10 Ogos 2009 12.00 tengahari	Unit Kewangan Aras 6, Menara Sri Saujana, INSPEN

1. Senaskah DOKUMEN SEBUTHARGA akan dipamerkan mulai tarikh jualan dokumen sehingga tarikh tutup Sebutbarga pada setiap hari bekerja bermula dari jam 8.30 pagi – 4.00 petang di kaunter jualan, Unit Kewangan Aras 6, Menara Sri Saujana, Institut Penilaian Negara (INSPEN), di No: 5, Persiaran Institusi Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
2. Penyebutbarga hendaklah mengemukakan Sijil ASAL Pendaftaran Bumiputera dan Sijil ASAL Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia serta semua salinan pendua yang sah dan masih berkuatkuasa pendaftarannya semasa membeli Dokumen Sebutbarga. Dokumen Sebutbarga hanya akan dikeluarkan oleh Ketua Unit Pentadbiran, INSPEN setelah salinan pendua Sijil-sijil tersebut disahkan.
3. Sebutbarga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sah sepenuhnya **hendaklah dilakri dan ditaip/ditulis Tajuk Sebutbarga dan No. Sebutbarga** tanpa sebarang pengenalan kontraktor dengan dakwat yang tidak luntur di sudut sebelah atas kiri sampul surat dan dialamatkan kepada:

**INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
NO. 5, PERSIARAN INSTITUSI BANGI
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

4. Dokumen – dokumen Sebutbarga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutbarga yang disebutkan di atas pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, pada tarikh tutup sesuatu Sebutbarga tersebut. Sebutbarga yang diterima selepas tarikh dan masa Sebutbarga ditutup adalah dikategorikan sebagai Sebutbarga lewat dan ditolak sepenuhnya serta tidak akan dipertimbangkan. Bukti pos tidak diterima sebagai bukti penerimaan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang risiko dan kos yang perlu atau akan dihadapi oleh Penyebutbarga bersabit dengan proses Tender ini.
5. Lawatan tapak tidak diwajibkan kecuali jika dinyatakan di Jadual Sebutbarga, para 1 di atas. Namun begitu, adalah menjadi tanggungjawab Penyebutbarga sendiri untuk melawat tapak dan menilai jumlah harga kerja / bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan. Sebarang kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat akibat daripada ketidakhadiran ke tapak sebelum tarikh tutup sesuatu Sebutbarga tersebut adalah menjadi risiko Penyebutbarga sendiri dan pihak Kerajaan tidak akan menanggung apa apa juga kerugian/perbelanjaan terhadap kos bersabit dengan perkara tersebut. Syarat-syarat Khas Sebutbarga seperti di dalam Arahan Kepada Penyebutbarga adalah muktamad dan wajib dipatuhi bagi memastikan keseragaman setiap Sebutbarga.
6. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang Sebutbarga terendah atau mana-mana Sebutbarga lain serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana – mana Sebutbarga yang ditolak/tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan. Keputusan Lembaga Perolehan Sebutbarga adalah **muktamad**.